

Date : 8 March 2023
Headline : Kossan, Pantas lancer program GVC
Author : Harrith Hisham
Source : KOSMO

Kossan, Pantas lancar program GVC

Oleh HARRITH HISHAM

KUALA LUMPUR – Kossan Rubber Industries Berhad (Kossan) bersama rakan kerjasama Pantas Software (Pantas) telah melancarkan Program Penghijauan Rantaian Nilai (GVC) bagi membantu pembekal perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam rantaian bekalan mereka.

Inisiatif tersebut telah dilancarkan sebelum ini oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 9 November sempena Hari Kewangan 2022 di Mesir.

Ia bertujuan untuk memberi insentif kepada pengurusan pelepasan karbon dalam kalanjanan pembekal Kossan.

Melalui program ini, pembekal boleh mengakses Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF) berjumlah RM2 bilion untuk membiayai modal kerja PKS atau perbelanjaan yang berkaitan dengan amalan rendah karbon pada kadar yang berpatutan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kossan, Tan Sri Lim Kuang Sia berkata, program GVC merupakan situasi menang-menang un-



KUANG SIA (kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Pantas Software, Max Lee pada majlis pelancaran program GVC di Sasana Klijang di Bank Negara semalam.

tuk syarikat dan para pembekal selain dapat memanfaatkan alam sekitar.

"Kami (Kossan) komited untuk menjadi syarikat berdaya tahan

karbon dan ingin memanjangkan pelaburan hijau ini kepada rakan kongsi rantaian bekalan strategik di bawah program GVC," katanya pada majlis pelancaran GVC di

sini semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama Pantas, Max Lee berkata, syarikatnya akan membantu PKS

untuk mengukur pelepasan gas rumah hijau dan melaporkan petunjuk kemampuan secara konsisten untuk membantu mencapai sasaran pengurangan karbon negara.

Beliau berkata, PKS juga akan menerima akses percuma kepada penyelesaian perisian perakaunan karbon yang dibangunkan Pantas bersama-sama perkhidmatan latihan yang disediakan rakan kongsi penyedia perkhidmatan GVC.

"Ini termasuk Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd, British Standards Institution dan AmBank Bhd. untuk memulakan perjalanan pengurusan karbon," ujarnya.

Dalam pada itu, kata beliau, pihaknya percaya dengan penyelesaian perisian bersepadu, latihan yang berkaitan dan kesedaran adalah penting untuk proses peralihan yang adil.

"Selain itu, Pantas juga akan bekerjasama dengan rakan kongsi untuk membantu PKS menetapkan dan mencapai sasaran pengurangan karbon," jelasnya.

-- KOSMO